



a media prima company

## Jom, Teka Peribahasa!

---

### TERMA DAN SYARAT

**PENTING:** SILA PASTIKAN ANDA BACA DAN FAHAMI TERMA DAN SYARAT BERIKUT SEBELUM MENYERTAI PERADUAN “JOM, TEKA PERIBAHASA!” YANG DIANJURKAN OLEH BIG TREE OUTDOOR SDN. BHD. YANG BERALAMAT DI TINGKAT 5, ANJUNG LIKU, BALAI BERITA, NO. 31, JALAN RIONG, 59100 BANGSAR, KUALA LUMPUR. DENGAN MENYERTAI PERADUAN INI, ANDA TELAH BACA, FAHAMI DAN BERSETUJU UNTUK TERIKAT DENGAN TERMA DAN SYARAT YANG TERKANDUNG DI SINI.

#### A. KELAYAKAN

- (i) Peraduan “Jom, Teka Peribahasa!” ini dianjurkan oleh Big Tree Outdoor Sdn. Bhd. [No. Syarikat: 199401032581 (318264-M)] (selepas ini dirujuk sebagai “Penganjur”) bagi meraikan ulang tahunnya yang ke-30 dan terbuka kepada kesemua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas.
- (ii) Berikut merupakan kumpulan-kumpulan yang tidak dibenarkan untuk menyertai Peraduan ini:
  - Kakitangan tetap dan/atau kontrak Penganjur dan/atau Media Prima Berhad dan/atau syarikat-syarikat bersekutu dan/atau syarikat-syarikat subsidiari di bawah Kumpulan Media Prima Berhad;
  - Ahli keluarga dan saudara terdekat kepada kakitangan tetap dan/atau kontrak Penganjur dan/atau Media Prima Berhad dan/atau syarikat-syarikat bersekutu dan/atau syarikat-syarikat subsidiari di bawah Kumpulan Media Prima Berhad termasuk tetapi tidak terhad kepada suami, isteri, anak-anak, ibu bapa dan adik-beradik.
  - Mana-mana individu yang telah disenarai hitam dan/atau diisytiharkan bankrap.

#### B. TEMPOH PERADUAN

- (i) Peraduan ini akan dilaksanakan daripada **1 Julai 2024** sehingga **31 Julai 2024** (selepas ini dirujuk sebagai “Tempoh Peraduan”).
- (ii) Penyertaan boleh dihantar pada bila-bila masa bermula jam 12.00 pagi pada 1 Julai 2024 sehingga jam 11.59 malam pada 31 Julai 2024.

#### C. SYARAT DAN CARA-CARA PENYERTAAN

- (i) Peserta-peserta dikehendaki untuk:
  - **Tekaan:** Membuat tekaan peribahasa yang betul berdasarkan petunjuk-petunjuk yang akan dipaparkan secara rawak pada papan-papan iklan digital Penganjur di seluruh kawasan Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor Bahru sepanjang Tempoh Peraduan.

- **Ayat Kreatif:** Merangka satu (1) ayat yang kreatif dengan menggunakan peribahasa tersebut dalam Bahasa Melayu.
- (ii) Setiap Peserta boleh menghantar penyertaan mereka dengan melayari laman web [www.bigtree.com.my](http://www.bigtree.com.my) dan mengikuti langkah-langkah seterusnya. Penyertaan hanya akan dianggap sempurna setelah Peserta mengisikan butiran-butiran lengkap Peserta seperti mana yang dikehendaki dan bersetuju dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini.
  - (iii) Setiap Peserta hendaklah memastikan bahawa butiran-butiran yang diberikan adalah benar dan sama dengan butiran yang tertera di Kad Pengenalan masing-masing bagi tujuan pengesahan semasa penebusan hadiah sekiranya Peserta dipilih sebagai pemenang.
  - (iv) Penyertaan mana-mana Peserta akan dibatalkan dengan serta-merta tanpa notis lanjut sekiranya Penganjur mendapati bahawa:
    - Peserta tidak memenuhi kriteria-kriteria kelayakan;
    - Penyertaan dibuat di luar Tempoh Peraduan;
    - Terdapat sebarang elemen atau unsur yang berupaya untuk mencetuskan perasaan marah atau sensitif di kalangan masyarakat umum Malaysia;
    - Menyentuh isu-isu dan/atau topik-topik sensitif secara tidak munasabah termasuk tetapi tidak terhad kepada agama, etnik, jantina dan/atau bangsa; dan/atau
    - Pernyataan tersebut adalah bercanggah dengan mana-mana undang-undang, peraturan dan/atau garis panduan lain.
  - (v) Setiap Peserta boleh menghantar lebih daripada satu (1) penyertaan tetapi hanya satu (1) penyertaan yang terbaik sahaja yang akan dipertimbangkan untuk pemilihan sebagai pemenang.

#### **D. PEMILIHAN PEMENANG DAN HADIAH**

- (i) Penganjur akan memilih tiga (3) Peserta sebagai pemenang bagi Peraduan ini.
- (ii) Pemenang-pemenang tersebut akan dipilih daripada tiga (3) penyertaan terbaik yang berjaya meneka peribahasa dengan betul dan merangka ayat yang paling kreatif dengan menggunakan peribahasa tersebut mengikut turutan yang difikirkan layak dan wajar oleh Penganjur atas budi bicara mutlak.
- (iii) Pemenang-pemenang akan diumumkan pada **7 Ogos 2024** di saluran-saluran media sosial Penganjur di mana nama-nama pemenang akan disiarkan. Pemenang-pemenang juga akan dimaklumkan secara rasmi melalui emel oleh Penganjur.
- (iv) Keputusan Peraduan ini adalah muktamad dan konklusif mengikut budi bicara mutlak Penganjur dan sebarang aduan dan/atau rayuan oleh mana-mana Peserta tidak akan dilayan sama sekali.

#### **E. PNEBUSAN HADIAH**

- (i) Tiga (3) pemenang yang terpilih berpeluang untuk memenangi hadiah hebat bernilai RM15,000.00 keseluruhannya.
- (ii) Pemenang-pemenang hendaklah menebus hadiah yang dimenangi di pejabat Penganjur di Balai Berita, Bangsar dalam tempoh enam puluh (60) hari daripada 7 Ogos 2024.

Langkah-langkah penebusan hadiah akan dimaklumkan secara terperinci melalui emel rasmi pengumuman pemenang-pemenang oleh Penganjur.

- (iii) Pemenang-pemenang hendaklah melengkapkan Akuan Penerimaan Hadiah dan Akujanji semasa penebusan dilakukan.
- (iv) Hadiah-hadiah yang dimenangi tidak boleh ditukar dengan wang tunai.
- (v) Penganjur tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan hadiah selepas penebusan dibuat oleh setiap pemenang.

#### **F. TALIAN KHIDMAT PELANGGAN**

Sebarang pertanyaan berkaitan dengan Peraduan “Jom, Teka Peribahasa!” ini, termasuk apa-apa pertolongan atau laporan boleh dilakukan dengan menghubungi Penganjur melalui emel di [thinkbig@bigtree.com.my](mailto:thinkbig@bigtree.com.my) (Isnin hingga Jumaat dari 9 pagi hingga 6 petang).

#### **G. HAD LIABILITI**

- (i) Setiap individu yang memilih untuk menyertai Peraduan ini bersetuju dan mengakui bahawa penyertaan dibuat atas risiko dan kos sendiri.
- (ii) Penganjur tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian dan/atau kehilangan sama ada dalam bentuk kewangan atau sebaliknya terhadap mana-mana pihak, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
  - Sebarang masalah, kerugian, atau kerosakan dalam apa jua bentuk yang dialami oleh Peserta-peserta akibat kelewatan dan/atau kegagalan dalam menerima dan/atau menghantar penyertaan akibat daripada rangkaian, komunikasi, ISP atau sistem ralat, gangguan dan/atau apa-apa kegagalan yang dialami oleh Penganjur atau Peserta-peserta berkaitan dengan pembekal perkhidmatan telekomunikasi dan/atau yang timbul daripada penyertaan atau muat turun apa-apa dokumen, fail dan/atau bahan sepanjang Peraduan ini berlangsung. Sekiranya berlaku kesilapan, gangguan dan/atau kegagalan tersebut, Penganjur tidak akan bertanggungjawab untuk dan ke atas kegagalan Peserta-peserta untuk menyertai Peraduan ini atau sebarang kegagalan yang dihadapi oleh Penganjur dalam memenuhi kewajipannya.
  - Sebarang kesilapan termasuk ralat dan/atau kelewatan dalam mengumumkan pemenang, hadiah, penebusan hadiah, gangguan, kecacatan, kelewatan dalam operasi atau kegagalan talian komunikasi, kecurian, kemusnahan, pengubahan atau akses tanpa kebenaran atau penyertaan hilang atau lewat, sama ada ia berbangkit semasa operasi atau penghantaran yang disebabkan oleh fungsi pangkalan, virus, peranti pepijat atau sebab-sebab lain di luar kawalan Penganjur.
  - Penganjur, Media Prima Berhad, syarikat-syarikat bersekutu dan/atau berkaitannya, ejen, penaja, wakil dan pengarah, pegawai, pekerja, dan ejen masing-masing tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang salah nyata fakta, kerosakan, kecederaan atau kerugian (termasuk mana-mana kematian) akibat daripada penyertaan Peserta-peserta dan sebarang ganjaran dan/atau hadiah yang diperolehi melalui Peraduan ini sama ada secara langsung atau tidak langsung akibat daripada apa-apa tindakan Penganjur dan/atau sebaliknya.

## **H. INDEMNITI DAN HAK MUTLAK**

### **(i) Penganjur berhak untuk:**

- membuat sebarang pindaan kepada Tempoh Peraduan pada bila-bila masa berdasarkan kepada budi bicara mutlak Penganjur;
- membuat sebarang pindaan kepada Terma dan Syarat dan menukar peraturan-peraturan dan/atau kriteria kelayakan Peraduan ini;
- membatalkan mana-mana penyertaan yang melanggar sebarang peraturan dan/atau Terma dan Syarat Peraduan ini;
- membatalkan mana-mana penyertaan sekiranya penyertaan tersebut adalah bercanggah dengan mana-mana undang-undang, peraturan, dan/atau garis panduan lain tanpa sebarang notis lanjut kepada Peserta; dan
- membatalkan Peraduan ini pada bila-bila masa jika difikirkan perlu dan/atau apabila ia melibatkan keadaan-keadaan di luar kawalan Penganjur.

### **(ii) Peserta-peserta bersetuju untuk melindungi dan menanggung rugi Penganjur sepenuhnya terhadap segala kerugian, kerosakan, perbelanjaan, dan apa-apa tindakan dan/atau tuntutan pihak ketiga, prosiding, tuntutan dan kos (termasuk kos perundangan antara satu sama lain, kecederaan peribadi, kematian, kehilangan atau kemusnahan harta benda, hak publisiti atau privasi, fitnah) yang disebabkan oleh dan/atau akibat daripada kecuaiannya dan/atau kesilapan Peserta-peserta berkaitan dengan Peraduan ini sepanjang Tempoh Peraduan.**

## **I. PERLINDUNGAN DATA**

Berkaitan dengan “Data Peribadi” [yang telah didefinisikan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“**PDPA**”) dan mana-mana undang-undang subsidiari yang berkuatkuasa di bawah PDPA dan mana-mana undang-undang yang menggantikan PDPA] Peserta-peserta, Peserta-peserta hendaklah memastikan bahawa mereka telah membaca dan memahami Notis Perlindungan Data Peribadi Media Prima Berhad yang boleh diakses di <https://www.mediaprima.com.my/personal-data-protection-notice.html> dan Peserta-peserta dengan ini bersetuju untuk Data Peribadi mereka diproses oleh Penganjur selaras dengan terma yang terkandung dalam Notis Perlindungan Data Peribadi Media Prima Berhad tersebut. Nama, maklumat, alamat, emel dan sebarang butiran lain Peserta-peserta akan dikendalikan oleh Penganjur mengikut terma-terma yang termaktub di bawah PDPA.

## **J. HARTA INTELEK**

### **(i) Peserta-peserta bersetuju bahawa Ayat Kreatif yang dihantar sebagai penyertaan untuk Peraduan ini adalah hak milik tunggal dan eksklusif Penganjur.**

### **(ii) Penganjur, Media Prima Berhad, syarikat-syarikat bersekutu dan/atau syarikat-syarikat subsidiari di bawah Kumpulan Media Prima Berhad mempunyai hak untuk menggunakan Ayat Kreatif yang dihantar sebagai penyertaan untuk Peraduan ini dalam apa-apa penerbitan, pengiklanan dan aktiviti media lain (termasuk saluran media sosial, pemasaran dan komunikasi dalam dan luar talian).**

### **(iii) Penganjur, Media Prima Berhad, syarikat-syarikat bersekutu dan/atau syarikat-syarikat subsidiari di bawah Kumpulan Media Prima Berhad mempunyai hak untuk mengeluarkan semula, menyalin, mempamerkan, menerbitkan dan/atau mengedarkan mana-mana Ayat Kreatif tanpa had dan mengenenpikan semua hak dan/atau tuntutan yang mungkin dimiliki oleh Peserta-peserta.**

**K. KOS PESERTA**

Sebarang kos, caj, fi dan/atau perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Peserta-peserta untuk menyertai Peraduan ini adalah tanggungjawab tunggal Peserta-Peserta dan Penganjur tidak bertanggungjawab untuk membuat apa-apa bayaran balik bagi kos, caj, fi dan/atau perbelanjaan tersebut.

**L. UNDANG-UNDANG TERPAKAI**

Terma dan Syarat Peraduan ini hendaklah ditafsir mengikut undang-undang Malaysia. Pihak-pihak bersetuju bahawa sebarang pertikaian yang timbul adalah tertakluk di bawah bidang kuasa eksklusif mahkamah-mahkamah Malaysia.

---

– TAMAT –